



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



SIARAN MEDIA

MRT CORP MULAKAN PROSES TENDER BAGI MRT3 LALUAN LINGKARAN DENGAN RFP UNTUK PERUNDINGAN PENGURUSAN PROJEK

Kuala Lumpur, 28 April 2022: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menjemput syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menyertai Permintaan Cadangan (Request For Proposal atau RFP) bagi Pakej Kerja Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Projek (Project Management Consultancy Services) MRT3 Laluan Lingkaran.

Ini adalah tender pertama yang dikeluarkan untuk pembinaan MRT Laluan Lingkaran sepanjang 51km, yang telah mendapat kelulusan Kerajaan pada 4 Mac 2022.

Pada 15 Mac 2022, Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong telah mengumumkan bahawa pembinaan Projek MRT3 Laluan Lingkaran akan melibatkan lima (5) pakej kerja yang terdiri daripada pakej kerja Perundingan Pengurusan Projek, tiga (3) pakej kerja sivil dan satu (1) pakej kerja sistem. MRT Corp juga telah menyatakan bahawa proses tender akan bermula pada Mei 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Mohd Zarif Hashim berkata Perunding Pengurusan Projek (PMC) akan membantu MRT Corp dalam menguruskan Projek MRT3 Laluan Lingkaran dan bertanggungjawab ke atas penyempurnaan Projek tepat pada masanya dan mengikut bajet yang ditetapkan.

“Selain membantu MRT Corp, PMC juga perlu memenuhi keperluan kontraktor pakej kerja sivil dan sistem supaya semua pihak boleh bekerjasama dengan berkesan untuk melaksanakan Projek ini,” katanya.

RFP ini terbuka kepada syarikat yang mempunyai pengalaman dalam menguruskan sekurang-kurangnya satu projek rel di Malaysia atau di luar negara dengan nilai agregat minimum RM1 bilion. Projek tersebut juga harus mempunyai sekurang-kurangnya dua daripada tiga elemen berikut: stesen dan jejambat bertingkat, stesen bawah tanah dan terowong, atau sistem rel.



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



Syarikat-syarikat boleh membentuk usaha sama atau konsortium tidak lebih daripada tiga (3) ahli untuk menyertai RFP ini.

RFP ini terbuka kepada syarikat-syarikat Malaysia manakala penyertaan syarikat asing minoriti dibenarkan melalui usaha sama atau konsortium di mana syarikat Malaysia memegang sekurang-kurangnya 60% ekuiti.

Maklumat mengenai kriteria untuk menyertai RFP boleh didapati dalam Notis RFP yang akan diiklankan di beberapa akhbar mulai esok (29 April 2022). Notis itu juga boleh didapati di laman web MRT Corp www.mymrt.com.my dan saluran media sosial (@MRTMalaysia).

Syarikat yang berminat perlu mendaftar untuk taklimat wajib yang akan diadakan pada 13 Mei 2022. Pendaftaran akan dibuka esok (29 April 2022) dan boleh dilakukan secara dalam talian melalui pautan atau dengan mengimbas kod QR yang disediakan dalam Notis RFP. Syarikat yang gagal mendaftar tidak akan dibenarkan menyertai RFP ini.

MRT3 Laluan Lingkaran adalah bahagian terakhir kritikal yang akan melengkapkan rangkaian rel bandar Kuala Lumpur. Cadangan jajarannya akan melalui perimeter bandar raya Kuala Lumpur dan bersambung dengan laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel di 10 stesen pertukaran. Setelah siap, rangkaian rel bandar akan menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

-ends/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

+6016-215 4055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my